

Perhebat program banteras pencemaran sungai – PM

Um - 28/3/2007

Oleh HELMI MOHD. FOAD dan HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 27 Mac – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu program kesedaran membanteras pencemaran sungai di kalangan rakyat diperhebatkan untuk memastikan sumber bekalan air bersih dapat digunakan secara lebih berkesan dan tidak berlaku pembaziran.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri meminta kerajaan-kerajaan negeri memberikan komitmen kepada usaha itu dengan mengarahkan agar program tersebut diletakkan di bawah projek Menteri Besar sendiri yang akan bertanggungjawab mengawal dan memastikan pencemaran air sungai segera dihentikan.

Beliau mengakui pencemaran air banyak memabitkan kawasan perumahan di bandar-bandar dan kilang-kilang di tapak perindustrian.

Katanya, pembanteras pencemaran sungai memerlukan satu tindakan berterusan termasuk mewujudkan undang-undang melarang penduduk mengalirkan air kotor dan bahan toksik melalui longkang dan parit.

“Paip-paip dari kilang mengalirkan bahan-bahan toksik ke dalam sungai. Di pekan dan bandar-bandar, sampah dan air kotor dibenarkan masuk ke sungai dan ini menyebabkan air sungai di bandar menjadi begitu tercemar.

“Pencemaran itu kemudian merebak ke kawasan sungai lain terutama kawasan yang serius tercemar,” kata Abdullah pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Sumber Air Negara (MSAN) Ke-3 di sini hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mengambil keputusan bahawa satu tindakan jangka panjang dan pendek perlu diambil bagi mencegah kawasan bandar terutama perumahan dan kilang daripada mengalirkan air kotor ke sungai-sungai.

“Kalau tindakan ini dapat diambil di seluruh negara maka kita akan dapat kurangkan pencemaran sungai dan kesannya, dari segi rawatan sungai yang sudah rosak, ia tidak memerlukan perbelanjaan besar,” jelasnya.

Bagaimanapun, Abdullah memberitahu, pada peringkat ini satu kajian perlu dibuat mengenai langkah-langkah yang mesti diambil bagi mencegah berlakunya pencemaran air sebelum disusuli dengan tindakan undang-undang.

“Kalau tidak nanti, tidak akan ada usaha yang bersungguh-sungguh untuk menegah berlakunya pencemaran sungai dan juga pencemaran dalam bentuk lain,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, MSAN juga telah mengambil ketetapan untuk mewujudkan undang-undang kecil bagi memastikan semua rumah banglo, kilang dan bangunan institusi seperti sekolah mempunyai satu sistem penuaian



ABDULLAH Ahmad Badawi mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara ke-3 di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, semalam. Turut hadir, Najib Tun Razak dan Azmi Khalid.

air hujan.

“Kita hendak memastikan ia dilaksanakan dengan mewujudkan undang-undang kecil. Bagi rumah-rumah banglo, kilang-kilang dan bangunan-bangunan institusi seperti sekolah, ia perlu ada sistem menuai air hujan.

“Kita perlu mengambil air hujan dari bumbung dengan menggunakan paip-paip *gutters* dan dialirkan ke kolam dan digunakan untuk tujuan seperti membersihkan kereta, menyiram pokok atau untuk kegunaan tandas,” tambah beliau.

Katanya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diarahkan merangka undang-undang kecil itu termasuk mengenal pasti terlebih dahulu bangunan yang memerlukan sistem penuaian air hujan tersebut.

Beliau menjelaskan, draf cadangan undang-undang kecil itu akan dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Kerajaan Tempatan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri.

“Jika ingin mengambil air hujan, bumbung bangunan mestilah cukup besar. Langkah ini tidak akan melibatkan rumah-rumah kos rendah,” katanya.

Menurut Abdullah, satu kajian menyeluruh juga akan dilakukan bagi mengenal pasti kawasan sumber air bawah tanah yang boleh dimanfaatkan untuk dijadikan bekalan air kepada rakyat.

“Memang dulu ada usaha untuk pastikan sumber air bawah tanah digunakan tetapi ia tidak berjalan seperti yang diharapkan. Kita hendak maklumat terperinci mengenai sumber air bawah tanah dan dengan cara ini kita akan tahu sebanyak mana sumber air itu,” kata Perdana Menteri.